



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT (KAKITANGAN PENTADBIRAN)
KUMPULAN PELAKSANA
TAHUN 2017**

Sukacita Universiti Malaysia Sabah mempelawa kakitangan lantikan tetap yang berkelayakan, dinamik, kreatif dan inovatif untuk mengisi jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi Kumpulan Pelaksana seperti berikut:

BIL	JAWATAN	GRED
1	JURUFOTOGRAFI	B26
2	JURUFOTOGRAFI	B22
3	PENOLONG PEGAWAI SAINS	C32
4	PEMBANTU MAKMAL	C26
5	PEMBANTU MAKMAL	C22
6	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA32
7	PENOLONG JURUTERA	JA36
8	PENOLONG PEGAWAI SENI BINA	JA36
9	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N32
10	PEMBANTU TADBIR (P/O)	N26
11	PEMBANTU TADDIR (P/O)	N22
12	PEMBANTU PUSTAKAWAN	S26
13	PEMBANTU PUSTAKAWAN	S22
14	JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	U36
15	JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	U32
16	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN	W26
17	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN	W22

SYARAT UMUM KENAIKAN PANGKAT

(Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010)

- a) telah disahkan dalam perkhidmatan;
- b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu memperoleh sekurang-kurangnya purata 80% dan ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun terkini;
- c) diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- d) bebas daripada hukuman tatatertib;
- e) telah mengisytiharkan harta;
- f) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- g) bebas daripada keberhutangan serius; dan
- h) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat.

ASAS PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT

(Berdasarkan P.U (A) 1 "Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012" Bahagian VIII)

Kenaikan Pangkat adalah berasaskan merit; dan Jawatankuasa Pemilih akan mempertimbangkan calon berdasarkan perkara-perkara berikut:

- a) Kecekapan dan prestasi kerja;
- b) Kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman;
- c) Sifat peribadi termasuk kesesuaian dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai; dan
- d) Kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada negara dan masyarakat.

Kekananan hanya akan dijadikan asas jika dua atau lebih calon diputuskan sama dari segi merit, kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat.

CARA MEMOHON

- a) Pemohon hendaklah mengisi *CV Online* melalui Sistem HROnline di <https://hronline.ums.edu.my> (Permohonan Kenaikan Pangkat) **bermula pada 19 September 2017 (Selasa)**.
- b) **Tarikh tutup permohonan adalah pada 8 Oktober 2017 (Ahad)**.

MAKLUMAN/PERHATIAN

- a) Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- b) Permohonan kenaikan pangkat akan dianggap terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar.
- c) Jawatankuasa Tapisan Bagi Kenaikan Pangkat Pentadbiran boleh menetapkan sebarang ujian tapisan terhadap pemohon sebelum sesi temuduga diadakan.
- d) Pihak Pengurusan Universiti berhak untuk menentukan penempatan bagi calon-calon yang berjaya mengikut keperluan.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Unit Pengambilan & Kenaikan Pangkat (Pentadbiran), Bahagian Sumber Manusia seperti berikut:

- a) Encik Ismail Ladama
Penolong Pendaftar
No. Sambungan : 1444
emel : mail@ums.edu.my
- b) Puan Nurhanisah Sinin
Pembantu Tadbir (P/O)
No. Sambungan : 1507
emel : neesa@ums.edu.my
- c) **Sistem CV Online:**
Encik Ag. Azihar @ Ag. Ku Azihar Ag. Tengah
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
Nombor Sambungan: 1087
emel: azihar@ums.edu.my